



PROFESSIONAL TRAINING COLLEGE in JAPAN GUIDE BOOK

Jepun, negara paling mudah untuk mendapat pekerjaan

Asia memberi perhatian terhadap kepakaran + kemesraan layanan !

Selamat datang ke Professional Training College Jepun!

~Ucapan daripada Ministry of Education, Culture, Sports, Science and Technology, Lifelong Learning Policy Bureau, Lifelong Learning Promotion Division, Office for the Promotion of Specialized Training College Education~

Kepada mereka yang ingin memperolehi kemahiran vokasional di Jepun

Professional Training College Jepun yang ditubuhkan sejak 1976, telah berkembang menjadi sebuah institusi teras pendidikan vokasional yang praktikal dan bersesuaian dengan perubahan masyarakat dengan menggunakan ciri-ciri fleksibel dan berdaya tahan. Kini, dengan seramai 590,000 orang pelajar, ianya menjadi sebuah intitusi pengajian tinggi yang penting di Jepun.

Professional Training College Jepun melaksanakan pendidikan vokasional, dimana ianya menyediakan pengetahuan kemahiran yang berguna dalam 8 pengkhususan iaitu Technology, Agriculture, Medical Care, Personal Care and Nutrition, Education and Welfare, Business, Fashion and Home Economics, Culture and General Education.

Pada masa kini, daripada budaya-pop yang dipanggil "cool-japan" seperti komik, animasi, permainan dan fesyen yang mendapat perhatian dunia, sehingga kepada tenaga alam sekitar, IT, infrastruktur masyarakat dan lain-lain, ianya mendidik graduan berkemahiran yang

berpotensi untuk menyokong industri yang dijangka berkembang untuk pasaran dunia pada masa akan datang.

Di Jepun, Professional Training College dikenali sebagai kolej yang melahirkan graduan yang diharapkan boleh menyokong masyarakat, di mana graduannya menjadi individu yang mempunyai kemahiran vokasional yang tinggi.

Juga, ianya mempunyai kadar pekerjaan yang tinggi tanpa mengira keadaan ekonomi. Khususnya, banyak syarikat Jepun di seluruh dunia yang beroperasi di luar negara, memerlukan sumber manusia yang boleh menjadi penghubung di antara Jepun dan negara-negara luar, dan harapan ini diletakkan kepada pelajar asing di Professional Training College yang mempelajari budaya dan kepakaran teknikal.

Dengan belajar di Professional Training College di Jepun, diharapkan pelajar dapat menjadi seorang professional yang mempunyai kemahiran vokasional yang pratikal dan mampu berkhidmat secara global.



KEMESRAAN LAYANAN

KESIHATAN

MEDICAL CARE/
WELFARE

FESYEN



TECHNOLOGY

IT / WEB

BUDAYA / ANIMASI

Kebelakangan ini, perkembangan ekonomi dan industri di Asia termasuk Asia Tenggara adalah memberansangkan, dan dalam pada itu wujudnya syarikat-syarikat yang memacu ekonomi dunia. Ini menunjukkan negara-negara membangun tidak terkecuali dari menjadi perhatian dunia untuk dijadikan pusat industri penyumberan luar secara meluas dalam bidang teknologi dan infrastruktur, pembuatan, makanan, fesyen, kecantikan dan media.

Setakat ini, Jepun menggunakan "Keupayaan teknikal Jepun" dan "Adab dan Kemesraan layanan" sebagai senjata untuk menyumbang kepada pembangunan negara luar dalam pelbagai bidang. Professional Training College merupakan institusi pendidikan yang bertujuan untuk membina teras tersebut.

Profesional Training College merupakan institusi pendidikan yang mendapat pengiktirafan dan memberi peluang untuk mendapat pelbagai sijil kelayakan yang menghubungkan terus kepada peluang pekerjaan kepada lepasan graduan, dan kini terdapat hampir seramai 59,000 orang pelajar asing yang datang ke Jepun setiap tahun untuk belajar di institusi ini. Jepun bukan sahaja mendapat perhatian disebabkan oleh teknologi dan sijil kelayakannya, malah terkenal dengan keselamatan serta kemudahan bekerja, animasi, makanan dan kekayaan semulajadinya. Marilah memulakan langkah untuk menimba kemahiran dan budaya di Professional Training College di Jepun, kearah memanfaatkannya ketika bekerja di syarikat-syarikat Jepun atau dalam syarikat-syarikat di tanahair!

Memperolehi teknologi, kelayakan dan kepakaran yang tinggi

Professional Training College Jepun

Pendidikan Profesional Training College Jepun yang menghubungkan terus kepada pekerjaan

Professional Training College merupakan institusi pengajian tinggi di Jepun yang melaksanakan pendidikan vokasional yang praktikal. Ia merupakan institusi pendidikan yang mempunyai matlamat untuk meningkatkan pengetahuan yang diperlukan dalam bidang pekerjaan dan kehidupan, teknologi, pembelajaran kemahiran dan pendidikan, yang juga mempunyai bidang pengkhususan yang pelbagai seperti Medical care, Technology, Culture and General Education, Business, Personal Care and Nutrition, Education and Welfare, Fashion and Home Economics dan Agriculture.

Professional Training College Jepun

Jumlah kolej: 2,822 buah


Jumlah pelajar baru: 268,654 orang

Jumlah pelajar: 588,223 orang

(Rekod pada Mei 2017)

Kedudukan Professional Training College Jepun

Dalam sistem pendidikan Jepun, Professional Training College merupakan "Institusi Pengajian Tinggi" yang setaraf dengan universiti dan kolej junior, dengan bermatlamatkan pendidikan vokasional. Buat masa kini, graduan yang menamatkan kursus pengajian dalam 2 tahun dan ke atas (jumlah jam kuliah selama 1,700 jam dan ke atas) dan lain-lain graduan kursus akan dianugerahkan kelulusan "Diploma" dan graduan yang menamatkan pengajian dalam 4 tahun dan ke atas (jumlah jam kuliah selama 3,400 jam dan ke atas) dan lain-lain graduan kursus akan dianugerahkan kelulusan "Advanced Diploma", di mana graduan berkelulusan "Diploma" boleh melanjutkan pelajaran ke peringkat sarjana muda dan graduan berkelulusan "Advanced Diploma" boleh melanjutkan pelajaran ke peringkat sarjana.



Kelebihan Professional Training College


Professional Training College mempunyai banyak kelebihan seperti pemberian sijil kelayakan yang diiktiraf

Kelebihan yang paling besar bagi Professional Training College Jepun adalah ia menghubungkan terus kepada pekerjaan. Ia merupakan institusi pengajian yang bermatlamat untuk melengkapkan diri dengan tahap kepakaran yang tinggi dalam semua bidang pekerjaan, dan mempunyai peranan yang penting dalam institusi pengajian tinggi selepas universiti.

Peluang pekerjaan yang tinggi, boleh menyambung pelajaran pertukaran universiti



Professional Training College dirancang dengan kerjasama pihak industri untuk memenuhi permintaan masyarakat. Sebagai institusi pendidikan vokasional, ia telah melahirkan ramai graduan yang berpotensi tinggi dan menunjukkan kadar pekerjaan yang tinggi. Selain itu, kualiti kurikulumnya yang tinggi itu mendapat pengiktirafan yang tinggi dari universiti, yang membolehkan graduan yang mengikuti pengajian di Professional Training College selama 2 tahun untuk menyambung pelajaran di universiti.



Memperolehi pengetahuan dan kepakaran teknologi yang diiktiraf di seluruh dunia

Pada masa ini, bermula dari industri, infrastruktur, makanan, pelancongan, dan media serta fesyen, kemahiran tinggi Jepun telah mendapat perhatian dunia. Kemahiran-kemahiran ini boleh dipelajari dari Professional Training College Jepun.



Persekitaran pendidikan dan kemudahan, peralatan yang lengkap

Contohnya, pelajar dalam bidang media seperti animasi dan reka akan diberikan sebuah PC untuk setiap seorang, manakala pelajar dalam bidang masakan akan dilengkapi dengan alat memasak yang terkini untuk membiasakan mereka dengan trend dunia semasa, membolehkan pelajar belajar dalam pelbagai infrastruktur yang lengkap untuk memastikan kualiti pendidikan yang tinggi.



Technical Skill Memperolehi kepakaran yang tinggi

Tenaga pengajar di Professional Training College terdiri daripada pakar-pakar dalam bidang masing-masing. Oleh itu, pengetahuan yang diperolehi boleh digunakan terus dalam industri. Selain dari itu, banyak kolej yang melaksanakan latihan industri, membolehkan pelajar menimba pengalaman di syarikat Jepun. Dengan merasai pengalaman bekerja di syarikat Jepun yang mendapat perhatian dunia dalam bidang seperti teknologi serta automotif, alatan elektrik dan industri fesyen, ia pastinya akan memberi rangsangan yang besar buat anda.



Hospitality Layanan mesra yang unik hanya dari Jepun

Kebelakangan ini, Jepun dikenali sebagai "Omotenashi no kuni (negara dengan layanan mesra)" yang menekankan peradaban dan kesopanan yang tinggi, dan ia juga telah menjadi topik hangat semasa pembentangan untuk jempuan Sukan Olimpik ke Tokyo. Industri seperti pelancongan, makanan dan minuman, medical care dan pendidikan amat memerlukan tahap "layanan mesra" yang berkualiti tinggi, dimana "kemahiran tersebut boleh dirasai setiap hari dengan hanya berada di Jepun", dan ia adalah satu manfaat yang besar.

← Ijazah/gelaran akademik di Jepun →

Pembahagian institusi pengajian	Ijazah di negara Jepun	Pembahagian institusi pengajian	Gelaran akademik di negara Jepun
Graduate School	Doctorate degree Master's degree		
University/College	Bachelor's degree		Advanced Diploma
Junior College	Associate degree	Professional Training College	Diploma

* Pelajar yang menamatkan pengajian kursus pengkhususan selama 2 tahun dan keatas akan dianugerahkan kelulusan "Diploma" manakala pelajar yang menamatkan pengajian kursus pengkhususan selama 4 tahun dan ke atas akan dianugerahkan kelulusan "Advanced Diploma".

Pendidikan profesional yang berhubungkait dengan banyak kategori pekerjaan dan peluang pekerjaan yang meluas

Kenapa Professional Training College mempunyai peluang pekerjaan yang luas? Ini kerana, ia melaksanakan pendidikan khusus yang berfokuskan kemahiran dalam setiap bidang. Kursus yang bersesuaian dengan bidang tersebut amat luas merangkumi Medical care, Welfare, Nurseri, Pendidikan, Kecantikan dan Solekan, Masakan dan Pastrri, Hotel, Pelancongan dan Pengangkutan, Sukan dan Welfare, Haiwan peliharaan dan Binatang, Pakaian dan Fesyen, Muzik dan Alatan Muzik, Media Massa, Seni dan Penyuntingan, Programer dan Pakar Komputer, Permainan, Artis suara, Komik dan Animasi, Pereka dan Seni, Seni Tulisan, Arkitek, dan Hiasan Dalaman, Penjawat Awam dan Perniagaan, Penyelenggaraan Automotif dan Sukan Motor, Elektrik dan Elektronik, Persekitaran, Bio, Pertanian dan Kimia, Penyelenggaraan Penerbangan dan Juruterbang serta lain-lain, dimana penting untuk anda memilih institusi pengajian bersesuaian dengan apa yang anda matlamatkan.

	Ingin menggunakan kebolehan sendiri. (Culture & General Education, Personal Care & Nutrition, Fashion & Home Economics)	Ingin terlibat dalam bidang pembuatan (Technology, Agriculture)	Ingin menjadi ahli perniagaan profesional (Business)	Ingin bekerja untuk menolong yang memerlukan (Medical Care, Education & Welfare)
	Ingin bekerja dalam bidang fesyen, kecantikan dan masakan. Ingin pekerjaan yang menggunakan kemahiran muzik, rekaan dan bahasa. Kembangkan kebolehan sendiri dengan mempelajari kemahiran dan pengetahuan baru.	Sukakan kereta, ingin mencipta robot. Kepada yang mementingkan bidang elektrik dan kejuruteraan serta pertanian. Mempelajari teknologi yang tercanggih, dimana terdapatnya pendidikan terkini yang boleh dimanfaatkan dalam bidang pembuatan.	Mendidik graduan yang boleh menyesuaikan diri dengan pelbagai ekonomi masyarakat kini, dengan mempelajari teknologi maklumat dan pengetahuan perakaunan yang terkini. Melatih professional perniagaan yang boleh berkhidmat dengan mana-mana syarikat.	Ingin membantu yang memerlukan. Ingin bekerja di bahagian medical care dan penjagaan. Berusaha untuk menjadi seorang yang bertanggungjawab dan berhati besar untuk memenuhi impian tersebut, sambil mempelajari pengetahuan kepakaran dan kemahiran serta mendapatkan sijil kelayakan.
Kursus pengajian utama	<ul style="list-style-type: none"> ● Kecantikan ● Rekaan ● Masakan/Pastrri/Pembuatan roti ● Muzik ● Bahasa ● Haiwan ● Perniagaan Fesyen ● Wayang, penyiaran dan sebagainya 	<ul style="list-style-type: none"> ● Pemprosesan maklumat ● Penyelenggaraan automotif ● Kejuruteraan, senibina ● Elektrik, elektronik ● Mesin ● Bioteknologi dan sebagainya 	<ul style="list-style-type: none"> ● Perniagaan ● Kembara & Pelancongan ● Perakaunan dan pengiraan ● Maklumat ● Perdagangan ● Pengurusan ● Setiausaha dan sebagainya 	<ul style="list-style-type: none"> ● Kejururawatan ● Sains dan terapi ● Kebersihan perigian ● Judotharapist (qualified bone-setter) ● Penjagaan welfare dan sebagainya
Kelayakan serta sijil peperiksaan yang diperolehi selepas gradulasi	<ul style="list-style-type: none"> ● Pendandan rambut ● Tukang masak ● Confectionery ● Hygiene Master ● Peperiksaan Kebolehan Perniagaan Fesyen ● TOEIC® dan sebagainya 	<ul style="list-style-type: none"> ● Peperiksaan juruteknik pemprosesan maklumat ● Penyelenggara automotif ● Arkitek ● Juruelektrik ● Juruteknik penyelenggaraan penerbangan ● Juruukur dan sebagainya 	<ul style="list-style-type: none"> ● Pegawai percukaian ● Pegawai pengurusan pelancongan ● Ujian pengiraan ● Ujian kesetiausahaawan ● Ujian kebolehan perniagaan dan sebagainya 	<ul style="list-style-type: none"> ● Jururawat ● Pakar pergigian ● Pakar sains ● Pakar terapi ● Pegawai penjagaan welfare ● Pegawai makmal perubatan dan sebagainya 
Pekerjaan yang dimatlamatkan	<ul style="list-style-type: none"> ● Pereka grafik ● Pereka fesyen ● Ilustrator ● Penterjemah, Pemandu pelancong ● Pendandan rambut ● Tukang masak ● Chef pastrri dan sebagainya 	<ul style="list-style-type: none"> ● Jurutera sistem ● Juruteknik IT ● Pencipta permainan ● Mekanik automotif ● Arkitek ● Juruteknik penyiaran dan sebagainya 	<ul style="list-style-type: none"> ● Staf pelancongan ● Staf hotel ● Pegawai percukaian ● Pegawai perubatan ● Setiausaha ● Pramugara/pramugari dan sebagainya 	<ul style="list-style-type: none"> ● Jururawat ● Pakar pergigian ● Pakar sains ● Pakar terapi ● Pegawai radiologi ● Pakar ortoptik ● Pegawai Penjagaan Kebajikan dan sebagainya

* Sila hubungi kolej masing-masing untuk pengesahan kerana walaupun tamat Professional Training College dan mempunyai pelbagai kelayakan, pelajar asing tidak semestinya boleh bekerja di Jepun.
* Rekod pada Feb 2018. Terdapat pelbagai syarat diperlukan selain daripada yang tercatat di atas.

Setiap tahun, ramai pelajar asing datang ke Jepun untuk belajar



Syarat-syarat kemasukan ke Professional Training College dan Diploma/Advanced Diploma

Untuk kemasukan Pemohon perlu memenuhi sekurang-kurangnya satu daripada syarat-syarat di bawah.

- 1 Individu yang telah menamatkan sesi persekolahan selama 12 tahun di negara luar.
- 2 Individu yang lulus ujian kelayakan akademik yang setaraf dengan pembelajaran selama 12 tahun di negara luar, dan mencapai umur 18 tahun.
- 3 Individu yang menamatkan pengajian di sekolah menengah antarabangsa di Jepun yang setaraf dengan sekolah menengah di luar negara dan mencapai umur 18 tahun.
- 4 Individu yang mempunyai kelulusan International Baccalaureate, Abitur, Baccalaureate dan mencapai 18 tahun.
- 5 Individu yang menamatkan 12 tahun pengajian di Sekolah Antarabangsa di Jepun yang diiktiraf diperingkat antarabangsa (WASC, CIS, ACSI) dan mencapai umur 18 tahun.
- 6 Individu yang mempunyai kelayakan akademik yang setaraf dengan individu yang menamatkan sekolah menengah, lulus peperiksaan kemasukan dan mencapai umur 18 tahun.

Untuk ①-③, bagi yang mempunyai latar belakang akademik kurang daripada 12 tahun, boleh mendaftar dengan cara di bawah.

- Pendaftaran masuk bagi individu yang menamatkan sesi persekolahan selama 10 atau 11 tahun di India, Filipina dan Malaysia.
- 1 Sedang belajar di institusi pengajian tinggi di negara masing-masing di tahun 1 atau 2 dan telah tamat 12 tahun sesi persekolahan.
 - 2 Mengikuti kursus persediaan yang ditetapkan untuk kemasukan ke universiti selama 1 atau 2 tahun.
- Kelayakan kemasukan boleh didapati dengan salah satu cara

Kemahiran Bahasa Jepun

Perlu memenuhi mana-mana syarat di bawah

- 1 Individu yang mengikuti pengajian bahasa Jepun di institusi pendidikan bahasa Jepun yang diiktiraf oleh Kementerian Keadilan lebih dari 6 bulan.
- 2 Individu yang lulus Japanese Proficiency Test yang dilaksanakan oleh Persatuan Pendidikan Antarabangsa Jepun dan Yayasan Jepun tahap N1 atau N2.
- 3 Individu yang menerima pendidikan setahun dan lebih di sekolah rendah, menengah rendah, menengah tinggi Jepun. (tidak termasuk pra-sekolah)
- 4 Individu yang memperoleh 200 mata dan lebih (jumlah bagi ujian pemahaman, pendengaran) dalam peperiksaan yang dikendalikan oleh Independent Administrative Institution Japan Student Services Organization.
- 5 Individu yang memperoleh 400 mata dan lebih dalam peperiksaan Business Japanese Proficiency Test (BJT) yang dilaksanakan oleh Japan Kanji Aptitude Testing Public Interest Foundation.

Keupayaan untuk membiayai yuran

Mempunyai asas ekonomi yang cukup untuk meneruskan pembelajaran di negara Jepun termasuk keupayaan untuk membiayai kos yang diperlukan untuk kehidupan seharian dan yuran pengajian.

Syarat untuk mendapat kelulusan Diploma/ Advanced Diploma

	Diploma	Advanced Diploma
Masa pendaftaran kemasukan	April (Sebahagian kemasukan bulan Oktober)	April (Sebahagian kemasukan bulan Oktober)
Tempoh kursus	2 tahun dan ke atas	4 tahun dan ke atas
Masa kuliah	1,700 jam dan ke atas	3,400 jam dan ke atas
Sijil tamat	Sijil tamat dinilai berdasarkan keputusan peperiksaan	Sijil tamat dinilai berdasarkan keputusan peperiksaan
Organisasi kursus	—	Kurikulum yang disusun secara sistematik

Dokumen yang diperlukan untuk permohonan

Setiap kolej adalah berbeza, tetapi secara amnya ia adalah seperti yang disenaraikan. Sila hubungi kolej yang berkenaan untuk keterangan lanjut.

- 1 Borang permohonan kemasukan (Dibekalkan oleh institusi pengajian)
- 2 Sijil tamat sekolah menengah
- 3 Slip keputusan peperiksaan di kolej terakhir
- 4 Sijil kehadiran dan slip keputusan peperiksaan di institusi pengajian bahasa Jepun (Bagi yang tinggal di Jepun)
- 5 Sijil kemahiran bahasa Jepun (Bagi yang tinggal di luar negara)
- 6 Sijil pemeriksaan kesihatan
- 7 Gambar
- 8 Dokumen pengesahan keupayaan membayar yuran (Penyata bank diri sendiri atau penjamin)

Nasihat dan tip!

Peperiksaan kemasukan Professional Training College

Dalam peperiksaan kemasukan, perkara yang dititikberatkan ketika penilaian adalah mempunyai hala tuju yang jelas terhadap bidang yang dipilih, keupayaan dan kebolehan untuk memahami kuliah dalam Bahasa Jepun dan mempunyai minat untuk belajar atau tidak.

Pelbagai cara kemasukan ke kolej dan peluang selepas tamat pengajian.



Pelajar semasa



Sekolah Bahasa Jepun → Professional Training College

Impian saya adalah untuk bekerja dalam bidang yang boleh memanfaatkan pengalaman sebagai chef masakan Jepun.

Saya pernah bekerja sebagai chef masakan Jepun di Malaysia, dan bertekad untuk ke Jepun untuk belajar cara memasak dan budaya Jepun. Ianya amat menarik kerana saya juga dapat mempelajari masakan tempatan serta bahan-bahannya melalui matapelajaran pelancongan. Saya berhasrat untuk memanfaatkan pengalaman yang diperolehi dengan bekerja di bidang seperti perdagangan berkaitan makanan dan industri perhotelan. Ia agak sukar untuk tinggal berseorangan di negara yang jauh dari kampung halaman, namun ia juga merupakan satu peluang untuk memantapkan diri saya. Saya pasti impian akan menjadi kenyataan jika kita tahu matlamat kita dan tidak putus asa dengan cabaran.

Waseda-Bunri College of Arts and Sciences
SOO CHINSIANG

Pelajar semasa



Sekolah Bahasa Jepun → Professional Training College

Bukan sahaja saya dapat belajar bahasa dan adab, dari segi kehidupan saya turut berkembang maju.

Saya memutuskan untuk belajar di luar negara kerana mempunyai minat mendalam untuk belajar bahasa, dan jika saya berjaya mendalami bahasa Jepun yang masih kurang orang yang boleh memahaminya di dalam negara saya, masa depan saya akan menjadi lebih meluas. Di Professional Training College, saya telah belajar bukan sahaja bahasa Jepun, tetapi juga teknologi komputer dan adab dan pengetahuan tentang perniagaan. Selain itu dengan berjumpa dengan ibu bapa, saya telah belajar erti berdikari dalam kehidupan saya. Dengan berkembang maju diri saya dari pelbagai aspek kehidupan, saya telah diterima bekerja sebagai staf darat Lapangan Terbang Antara Bangsa Kansai. Jadi, selepas ini saya ingin mempraktikkan skil komunikasi dan bahasa yang saya peroleh semasa menjadi pelajar.

Fukuoka International Communication Training College
Wong Chong Lun

Pelajar semasa



Sekolah Bahasa Jepun → Professional Training College

Jepun dirasakan seperti tanahair kedua.

Belajar di Jepun adalah keputusan keluarga, namun kini saya berterima kasih kepada mereka kerana dapat merasakan pengalaman berharga belajar di sini. Tidak hanya tentang kemahiran, malah saya juga belajar tentang kepentingan kemahiran berkomunikasi dan berhubung. Selain dari itu, perkenalan dengan pelbagai individu yang berpengalaman juga merupakan pengalaman yang berharga bagi saya. Pada pendapat saya, kolej hanya menyediakan peluang, tetapi ia bergantung kepada individu itu sendiri untuk mencapainya. Saya ingin menggunakan peluang ini demi mencapai cita-cita saya untuk menjadi seorang artis yang boleh mengekspresikan pemikirannya sendiri. Berada di Jepun amatlah menyeronokkan dan saya merasakan seperti Jepun adalah tanahair kedua saya. Saya berasakan hidup tanpa penyesalan adalah paling penting.

Bunka Fashion College
DAMIAN TANG KAH SENG

Pelajar semasa



Luar negara → Professional Training College

Bermatlamat untuk menghasilkan permainan yang boleh dinikmati oleh semua individu dari seluruh dunia.

Sejak dari kecil, saya amat teruja dengan budaya Jepun. Permainan yang saya sukai kebanyakannya dari Jepun. Di kolej, saya belajar mengenai teknologi dan pengetahuan asas seperti pengaturcaraan serta rekaan web, dan cara pengendalian perisian yang selalu digunakan dalam industri permainan. Saya dapat belajar secara mendalam dengan tunjuk ajar yang teliti dari tenaga pengajar. Ianya sungguh menarik kerana saya dapat mengetahui sesuatu yang baru berkaitan dengan negara Jepun melalui pergaulan dengan rakan sekelas. Pada masa depan, saya ingin mereka permainan yang boleh dinikmati oleh sesiapa sahaja di seluruh dunia tanpa mengira perbezaan bahasa dan budaya.

HAL Osaka
GERMAINE TAN WEN LYN

Graduan

Luar negara → Professional Training College → Bekerja di Jepun



Saya ingin menjadi penghubung di antara Jepun dan dunia luar melalui syarikat yang meluaskan operasi ke negara luar.

Tamat pengajian di Japan Electronics College
LIT PAUL THANG
BROS Inc.

Saya mempunyai minat terhadap Jepun sejak kecil lagi kerana beberapa orang saudara-mara saya pernah belajar di Jepun. Tujuan saya belajar di Jepun adalah untuk mempelajari rekaan dan seni Jepun yang terkenal di dunia. Di kolej saya bukan sahaja belajar tentang kemahiran, malah juga berkenaan sikap bertanggungjawab dalam melaksanakan sesuatu perkara. Kini, saya memanfaatkan kemahiran Grafik Komputer dengan membuat video berkaitan dengan Pachinko/Pachinko Slot. Melalui perkembangan syarikat ke luar negara, urus niaga dengan masyarakat global juga akan bertambah, dan saya ingin menjadi penghubung antara Jepun dan pelbagai negara di seluruh dunia.

Graduan

Luar negara → Professional Training College → Bekerja di Jepun



Saya datang ke Jepun, dan telah berjaya merealisasikan satu impian!

The Jikei Group of Colleges
Tamat pengajian Osaka Communication Arts College
CHAN YEE FENG
STUDIO GHIBLI INC.

Saya datang ke Jepun kerana teruja untuk bekerja di STUDIO GHIBLI setelah menonton cerita animasi "Tonari no Totoro" semasa di sekolah rendah. Di kolej, saya bukan sahaja belajar tentang adab dan tatasusila masyarakat, malah juga tentang kepentingan berkomunikasi melalui penglibatan dalam hari perayaan kolej dan pameran. Selain dari itu, saya juga belajar mengenai nilai dan budaya Jepun melalui kerja sambilan yang dilakukan. Hasilnya, saya berjaya bekerja di STUDIO GHIBLI, dan kini bertanggungjawab dalam pembikinan video, dan berusaha untuk menjadi seorang ahli animasi yang boleh menyentuh perasaan ramai orang.

Jepun mengalu-alukan kedatangan pelajar dari luar negara.

Di Jepun, bukan sahaja Professional Training College, malah kerajaan dan institusi pendidikan serta syarikat-syarikat swasta menerima pelajar asing. Tahap kepuasan belajar di luar negara dapat direalisasikan dengan ketenangan hidup dengan tahap keselamatan yang tinggi, budaya yang mendapat perhatian dunia dan bandar moden yang kaya dengan ciri-ciri semulajadi.

Kelebihan belajar di Jepun

1 Tahap keselamatan yang baik yang bertaraf dunia

Pelajar asing dapat tinggal dengan tenang kerana Jepun mempunyai tahap keselamatan yang baik yang bertaraf dunia. Kemesraan dan keramahan masyarakat juga dapat dirasakan dalam pelbagai aspek.



2 Asrama dan pangsapuri pelajar yang lengkap

Kebanyakan Professional Training College mempunyai asrama sendiri atau pangsapuri bersama untuk didiami oleh pelajar asing. Tempat tinggal yang selesa dan akses yang mudah untuk ke kampus pastinya akan dapat ditemui.



3 Merasai budaya dan tradisi Jepun

Setiap hari dipenuhi dengan penemuan baru seperti animasi dan fesyen yang mendapat perhatian dari seluruh dunia, bandar moden dan kaya dengan ciri-ciri semulajadi.



4 Merealisasikan pengajian luar negara dengan tahap kepuasan yang tinggi

Berdasarkan kaji selidik yang dijalankan, kebanyakan pelajar asing yang melanjutkan pelajaran di Jepun menunjukkan tahap kepuasan yang tinggi dengan menyatakan "Pengalaman belajar di Jepun adalah yang terbaik".

Ini disebabkan situasi yang tiada di negara lain dimana layanan mesra dan identiti masyarakat Jepun, keadaan persekitaran yang selamat untuk pembelajaran disamping menjalankan kerja sampingan dapat merealisasikan pembelajaran di luar negara yang penuh makna.

Pandangan terhadap Jepun setelah tamat belajar

Pandangan terhadap orang Jepun setelah tamat belajar	Klasifikasi	Menjadi baik	Menjadi buruk	Tela-dunya par tidak	Tidak pasti	Jumlah
	Bilangan (orang)	2,756	595	2,585	100	6,036
Nisbah (peratusan)	45.6	9.9	42.8	1.7	100.0	

Pandangan keseluruhan mengenai pengalaman belajar di Jepun	Klasifikasi	Menjadi baik	Menjadi buruk	Tela-dunya par tidak	Tidak pasti	Jumlah
	Bilangan (orang)	5,480	67	467	22	6,036
Nisbah (peratusan)	90.8	1.1	7.7	0.4	100.0	

(Rujukan: Bancian JASSO Tahun 2015)

5 Prospek masa hadapan yang meluas melalui pendidikan dari Professional Training College

Di Jepun, Professional Training College yang mempunyai pengetahuan kepakaran dan teknologi telah dianggap sebagai sekolah yang membangunkan sumber manusia yang penting, dan graduan mereka juga ramai yang berkecimpung dalam pelbagai bidang yang meluas. Kriteria kelayakan pelajar asing yang ingin bekerja dalam bidang yang berkaitan dengan "Cool Japan" seperti bidang makanan, reka bentuk, fesyen, animasi dan lain-lain telah menjadi jelas disebabkan minat rakyat asing terhadap kandungan Jepun semakin meningkat oleh promosi menerusi strategi "Cool Japan" yang menyasarkan untuk memberitahu dunia akan daya tarikan negara Jepun. Dalam bidang penjagaan rawatan contohnya, pelajar asing yang memegang kelayakan sebagai pegawai penjagaan kebajikan boleh memohon Visa untuk bekerja di Jepun, dan kerajaan Jepun juga menunjukkan kemahuan untuk mengambil pelajar asing ini sebagai pekerja. Satu lagi ciri-ciri yang ada pada graduan Professional Training College ini adalah tanda aras kadar pekerjaan mereka tetap kekal walaupun di dalam keadaan ekonomi tidak menentu.



Yuran (Jumlah bayaran tahun pertama)

Selain daripada yuran kemasukan yang diperlukan pada tahun pertama dan yuran kuliah, yuran praktikal dan yuran buku teks juga diperlukan untuk yuran pengajian. Jumlah bayaran bergantung kepada bidang dan kolej. Kadar yang ditunjukkan adalah sebagai panduan sahaja.

Yuran kuliah dan lain-lain (yen)	471,000 ~ 1,109,000
Yuran kemasukan dan lain-lain (yen)	96,000 ~ 403,000
Jumlah (yen)	814,000 ~ 1,724,000
Jumlah (dolar)	8,140 ~ 17,240



*Dikira berdasarkan 1 US dolar = 100 yen *Purata jumlah bagi sesi persekolahan siang hari <Data dari: (Perbadanan) TSK> * Yuran di atas berbeza bergantung kepada bidang pengajian.

Kerja sampingan

Berdasarkan bancian JASSO, lebih kurang 83% pelajar asing di Professional Training College mempunyai kerja sampingan. Berdasarkan kategori pekerjaan, yang terbanyak adalah bidang catering, diikuti pemasaran/penjualan, tutor/ pembantu penyelidikan, dan staf hotel/dewan. Gaji sejam adalah mengikut jenis pekerjaan dan kawasan, dimana bidang catering adalah sebanyak 800yen-1,200yen, dengan undang-undang di mana pelajar asing dibenarkan berkerja tidak lebih dari 28 jam seminggu, dan gaji bulanan dianggarkan sebanyak 80,000 yen-120,000 yen sebulan. Untuk membuat kerja sampingan, pelajar asing perlu ke pejabat imigresen berdekatan bagi mendapatkan kebenaran untuk terlibat dalam aktiviti selain yang diperuntukkan dalam permit penempatan yang sedia ada, dan ia boleh dilakukan berdasarkan syarat-syarat di bawah.

- 1 Tidak mengganggu pelajaran.
- 2 Bertujuan untuk menyara hidup dan membayar yuran, bukan untuk tujuan simpanan atau duit dihantar kepada keluarga.
- 3 Jenis pekerjaan yang bukan berbentuk hiburan.
- 4 Tidak lebih dari 28 jam seminggu
- 5 Dijalankan ketika masih berstatus pelajar di institusi pendidikan.

Dari 9/7/2012, permohonan untuk terlibat dalam aktiviti selain yang diperuntukkan dalam permit penempatan yang sedia ada boleh dibuat di lapangan terbang tempat kad penempatan dikeluarkan (Pada masa hari yang sama, Lapangan Terbang Narita, Lapangan Terbang Haneda, Lapangan Terbang Antarabangsa Kansai dan Lapangan Terbang Chubu sahaja)

*Bagi yang bekerja tanpa permit kerja, atau kerja melebihi tempoh masa yang ditetapkan akan dikenakan denda dan hukuman.

Maklumat kerja sampingan boleh didapati di kolej serta pusat pekerjaan awam "Hello Work".

Jenis kerja sampingan pelajar asing

	Jenis pekerjaan	Peratusan
1	Katering	45.7%
2	Pemasaran dan penjualan (Kedai serbaguna dan lain-lain)	26.3%
3	Tutor/penolong penyelidik	6.9%
4	Terjemahan dan Interpretasi	6.8%
5	Guru bahasa	6.5%
6	Pembersihan	5.1%
7	Penyambut tetamu hotel/dewan	5.0%
8	Tutor di rumah	4.6%
9	Kerja umum pejabat	4.4%
10	Kerja pemasangan di kilang	4.3%

(Rujukan: Bancian JASSO Tahun 2015)

Contoh pendapatan dan perbelanjaan utama

		Wang dari ibu bapa, adik beradik, saudara-mara	Kerja Sambilan	Jumlah Pendapatan	Yuran Pembelajaran	Belanja Makan	Belanja Tempat Tinggal	Jumlah Perbelanjaan
Kolej Latihan Khusus	Negara Guna Kanji	96,234	82,050	166,088	66,129	31,818	42,908	166,063
	Negara Tidak Guna Kanji	62,751	93,007	151,932	56,235	24,267	31,749	145,340

(Bancian JASSO)

*Jumlah amaun adalah termasuk juga bagi perkara selain di atas

Buku panduan Professional Training College

平成29年度 文部科学省委託事業 専修学校グローバル化対応推進支援事業

Diterbitkan pada 30hb Jan 2018

[Penyuntingan dan penerbitan] 一般財団法人 職業教育・キャリア教育財団

Association for Technical and Career Education

102-0073 11F, Shigaku Kaikan Bekkan, 4-2-25 Kudanshita, Chiyoda-ku, Tokyo


TEL: +81-3-3230-4814 <http://www.sgec.or.jp/>

[Seliaan] 「専修学校グローバル化対応推進支援事業」情報提供事業分科会

[Penyuntingan bersama] 株式会社アクセスリード

[Laman Web Rasmi] <http://www.sgec.or.jp/ryuugakuguide/index.html>

Prosedur imigresen untuk ke Jepun



Permohonan pengeluaran permit penempatan

[Pemohon]

- Calon yang ingin melanjutkan pelajaran ke luar negara
 - Wakil (Kakitangan institusi pengajian yang menerima kemasukan calon dan lain-lain)*
- * Kebanyakan permohonan dibuat melalui wakil

[Dokumen diperlukan]

- Dokumen permohonan permit penempatan
- Gambar
- Sampul surat balasan
- Lain-lain: Oleh kerana dokumen yang perlu dihantar adalah berbeza bagi setiap institusi, sila hubungi institusi terbabit untuk panduan

Permohonan permit (visa)

Memohon di kedutaan Jepun di negara masing-masing setelah "permit penempatan" dikeluarkan

[Dokumen diperlukan]

- Pasport
- Dokumen permohonan visa
- Gambar
- Permit penempatan

* Dokumen selain di atas mungkin akan diminta untuk dikemukakan

